

29 MAY 2000

MAHATHIR-TENAGA/I

INDUSTRI MINYAK PERLU CARI SUMBER TENAGA ALTERNATIF

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata industri minyak dan gas perlu berusaha mencari sumber tenaga alternatif agar bersedia menghadapi sumber tenaga yang semakin berkurangan di serata dunia.

Katanya sekiranya perlu bagi syarikat-syarikat minyak di serata dunia untuk berpadu tenaga bagi membiayai penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke atas bahan bakar alternatif, maka inilah masanya untuk berbuat demikian.

"Ketika harga-harga minyak meningkat ke tahap yang agak tinggi semasa krisis minyak yang pertama, terdapat kesungguhan untuk menyelidik dan memajukan tenaga alternatif," kata Dr Mahathir ketika merasmikan Persidangan Minyak dan Gas Asia ke lima di sini hari ini.

Katanya industri minyak dan gas kini bersikap sambil lewa dengan adanya telaga-telaga minyak baru yang ditemui yang boleh bertahan 100 tahun lagi.

"Jadi tiadalah kesungguhan (untuk mencarigali telaga-telaga minyak baru," katanya sambil menambah bahawa ia akan menjejaskan keuntungan syarikat-syarikat petroleum.

Mungkin jawapannya ialah bagi kerajaan untuk campurtangan dalam menyumbang peratusan tertentu dari royalti dan pendapatan syarikat petroleum untuk membiayai penyelidikan yang diperlukan, katanya.

Perdana Menteri memberitahu pemberita selepas perasmian persidangan itu bahawa ekonomi Malaysia tidak terjejas oleh naik turunnya harga minyak kerana negara ini bukanlah pengeluar besar minyak mentah.

"Bagi kita minyak hanyalah bahagian kecil ekonomi. Kita tidak terlalu bergantung pada minyak," katanya.

Katanya ekonomi Malaysia bergantung pada minyak sawit kerana negara ini menghasilkan 10 juta tonne komoditi itu setiap tahun.

Mengenai eksport pula, sektor elektronik menyumbangkan 80 peratus kepada jumlah eksport Malaysia setahun.

Oleh yang demikian, sama ada harga minyak naik atau turun, ia tidak akan menjejaskan ekonomi tempatan, kata perdana menteri.

Bagaimanapun, beliau menegaskan Malaysia, sebagai pengeluar minyak yang diuruskan oleh Petronas, sentiasa mahukan harga pasaran yang adil dan saksama.

"Tetapi, kami bersimpati terhadap negara-negara yang miskin yang tidak mampu dengan harga (minyak) yang tinggi," kata Dr Mahathir. Buat masa sekarang harga minyak mentah berada di atas AS\$25 satu tong.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia bersedia bekerjasama dengan Indonesia dalam pengeluaran minyak sekiranya berpeluang berbuat demikian.

"Jika Indonesia menerima kita, kita akan ke sana," Dr Mahathir berkata sebagai menjawab pertanyaan sama ada Malaysia, menerusi Petronas, akan berpadu tenaga dengan perbadanan minyak negara Indonesia, Pertamina.

Sementara itu, katanya Malaysia mengeluarkan minyak sebanyak 650,000 tong sehari yang memadai untuk menampung permintaan tempatan, dan hanya sebilangan kecil sahaja dieksport ke beberapa negara.

Di persidangan akhbar, Dr Mahathir melahirkan kebimbangan tentang pembentukan pakatan baru dan penggabungan mega di kalangan syarikat-syarikat minyak gergasi yang kian menjadi ancaman kepada perbadanan minyak kebangsaan, kebanyakan di Asia.

Beliau mempersoalkan sama ada perbadanan minyak kebangsaan masih lagi relevan dalam fasa pakatan baru dan penggabungan mega ini dalam industri tersebut.

"Adakah mereka (perbadanan minyak kebangsaan) akan ditelan oleh syarikat-syarikat minyak baru yang lebih berkuasa, adakah mereka akan mendapatkan rakan kongsi strategik atau mungkinkah mereka mencari pasaran khusus untuk diri sendiri?"

Katanya sekiranya perbadanan minyak kebangsaan memilih seperti di atas, "bagaimanakah fungsinya dalam sistem di mana pengeluaran, harga, dasar, teknologi, dan sebagainya, dikuasai dan ditentukan oleh sebilangan kecil entiti gergasi yang bergabung itu.

Beliau berkata sejak tiga tahun kebelakangan, industri minyak telahpun menyaksikan beberapa penggabungan mega yang membabitkan BP-Amoco, Exxon-Mobil, Total FINA-ELF dan BP-Amoco-Arco.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia masih lagi belum pasti sama ada ia mahu memupuk kerjasama dengan syarikat-syarikat gergasi yang bergabung itu.

Mengenai urusan janji Petronas-Proton, Dr Mahathir tidak dapat memastikan bilakah perjanjian di antara kedua-dua syarikat itu akan ditandatangani.

Katanya perjanjian itu akan dimeterai sebaik sahaja kedua-dua pihak bersetuju dengan penentuan harga.

Katanya beliau juga sedar bahawa Proton memerlukan pembiayaan yang besar untuk menyokong operasinya dan memajukan kereta-kereta baru.

-- BERNAMA

RIZ MA